



Cik Puteri Nur Ariza Mohammad Navet, menghasilkan koleksi fesyen digital yang dinamakan, 'Caché Révélé', untuk projek tahun akhirnya di Maktab Seni Lasalle. – Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA

“

Saya harap dapat melihat diri saya berkembang sebagai pereka yang tidak takut mencabar norma, mencetuskan pemikiran, dan memberi inspirasi kepada orang lain untuk menghayati kreativiti dan keperibadian.

– Cik Puteri Nur Ariza Mohammad Navet.

Koleksi fesyen digital yang direka cerminan perasaan, fikiran

Apakah yang disangka sebagai satu kesilapan, kini menjadi satu pengalaman yang penuh bermakna.

Apabila terlepas tarikh pendaftaran awal untuk program Ijazah Sarjana Muda Media Fesyen dan Perusahaan, Cik Puteri Nur Ariza Mohammad Navet, terpaksa mendaftarkan diri dalam program Reka Bentuk Fesyen dan Tekstil di Maktab Seni Lasalle hampir tiga tahun lalu.

Meskipun terlepas pilihan pertamanya, Cik Puteri terus bertekad dan bersikap positif dalam menceburi bidang reka fesyen.

Mengulas perkara tersebut kepada *Berita Harian*, beliau berkata:

“Pengalaman tersebut benar-benar mengajar saya supaya ‘percaya kepada proses’ dan ‘anda tidak akan tahu jika tidak mencuba’ sepanjang ketiga-tiga tahun tersebut.”

“Saya tidak menyesali (pilihan itu) walau sesaat pun kerana semua cabaran yang saya lalui seperti tidak mengetahui asas pendidikan reka bentuk pada awalnya merupakan pelajaran yang amat berbaloi bagi saya.”

Impian Cik Puteri, 25 tahun, dalam mengejar cita-citanya menceburi bidang fesyen media bermula sejak zaman kanak-kanak lagi.

Dibesarkan ibunya yang merupakan sosialiti, semangatnya dalam meneroka bidang fesyen meningkat tatkala mengikuti ibunya membeli-belah baju atau ketika beliau menerima apa jua hadiah.

“Beliau sentiasa melayan saya seperti anak patung dan mendandani saya

(dengan pakaian yang diterima atau dibelinya).

“Saya sentiasa berpakaian terbaik di tadika dahulu disebabkan ibu saya. Fesyen sememangnya ada dalam DNA saya dan saya berkehtiar untuk terus mengejar impian fesyen saya sambil kekal di bahagian perniagaannya,” ujarnya.

Sebagai sebahagian daripada projek tahun akhirnya di Lasalle, beliau menghasilkan koleksi fesyen dalam rupa digital.

Bertajuk Caché Révélé, konsep di sebalik koleksi itu mengisahkan sifat kompleks identiti dan ekspresi diri.

Antara inspirasi koleksi tersebut, beliau turut mengentengahkan pengalaman peribadinya sendiri, terutama dalam menghadapi kesukaran dalam mengentengahkan identiti dalamannya semasa membesar.

“Saya dibesarkan dalam rumah yang agak terbatas, dengan saya tidak dapat mengekspresikan diri sepenuhnya.”

“Disebabkan itu, saya ingin menggambarkan perasaan ketidakselesaan ini sambil mencipta satu ruang selamat untuk sesiapa yang sedang berhadapan dengan krisis identiti mereka sendiri.”

“Saya ingin menunjukkan bahawa dunia sepatutnya merangkumi kemungkinan dan kemewahan yang tiada batas tanpa sebarang campur tangan pendapat orang lain – hanya pendapat anda.”

Koleksi tersebut boleh dianggap sebagai medium seni visual yang tepat mempamerkan unsur perasaan, emosi dan fikiran dalaman yang ingin diketengahkan Cik Puteri dan bukan sekadar daripada aspek kecantikan estetik.

Mengulas cabaran tertentu yang dihadapinya dalam menghasilkan koleksi digital itu, beliau turut berkongsi keremitannya dalam mempelajari sofwe ba-

ru. Sebahagian daripada usaha Cik Puteri untuk mengubah visi projek tahun akhirnya menjadi realiti, apabila beliau dikehendaki menggunakan sofwe ‘Blender’ untuk melukis lukisan tekstil koleksinya.

“Beringkat cuba-cuba atau *trial and error* mengambil masa yang paling lama dan saya sering mendapati diri saya tidak dapat menyelesaikan masalah itu.”

“Lantas, saya terpaksa luputkan rancangan asal dan memulakan usaha saya semula dengan pendekatan yang berbeza,” kongsi beliau.

Belajar yang pada asalnya berpendidikan khusus dalam fesyen media, banyak mengutamakan pendapat dan bimbingan pensyarah sebagai kunci kejayaan koleksi itu.

Beliau memberi penghargaan kepada pensyarahnya, Cik Victoria Ho dan Cik Lidyia Christens, yang tidak ‘lokek’ menghulurkan bantuan pada bila-bila masa sahaja.

Selepas tamat pengajiannya di Lasalle, Cik Puteri bercita-cita menetap di London untuk lebih mendedahkan diri dalam industri fesyen sedunia.

“Saya merancang bekerja di luar negara, khususnya di London, kerana bandar itu mempunyai peluang yang lebih besar dan baik untuk saya.”

“Ramai pereka baru turut berpangkalan di sana. Selepas menyelami diri dalam industri itu dan bekerja selama satu atau dua tahun, saya ingin menubuhkan label fesyen saya sendiri.”

“Saya harap dapat melihat diri saya berkembang sebagai pereka yang tidak takut mencabar norma, mencetuskan pemikiran, dan memberi inspirasi kepada orang lain untuk menghayati kreativiti dan keperibadian,” kata beliau.

A digital fashion collection designed to reflect feelings, thoughts

By Nur Aqilah Syifa

What was thought to be a mistake, has now become a meaningful experience.

Almost three years ago, when she missed the initial registration date for the BA (Hons) Fashion Media and Industries programme, Miss Puteri Nur Ariza Mohammad Navet decided to enroll instead in the BA (Hons) Fashion Design and Textiles programme at LASALLE College of the Arts.

Despite missing out on her first choice, Miss Puteri remained determined and positive in venturing into the field of fashion design.

Commenting on this to *Berita Harian*, she said: "The experience really taught me to 'trust the process' and 'you'll never know if you don't try' throughout those three years.

"I don't regret (that choice) even for a second because all the challenges I went through, such as not knowing the basics of design at the beginning, proved to be very worthwhile lesson for me.

"I got the opportunity to find my artistic voice in the field of fashion and learn about the relationship between media and design," she said.

Source: Berita Harian © SPH Media Limited.

21 May 2024, Page 13

Permission required for reproduction

Miss Puteri, 25, has dreamt of pursuing her ambition to venture into the field of fashion media since her childhood.

Raised by her mother who was a socialite, her enthusiasm in exploring the field of fashion increased whenever she accompanied her mother to shop for clothes or when she received any gift.

"She always treated me like a doll and dressed me in clothes she received or bought.

"I was always the best dressed in kindergarten because of my mother. Fashion is definitely in my DNA and I strive to continue to pursue my fashion dreams while remaining in the business side," she said.

As part of her final year project at LASALLE, she put together a fashion collection in digital form.

Entitled *Caché Révélé*, the collection tells the story of the complex nature of identity and self-expression.

Among the many inspirations for the collection, she also highlighted her own personal experiences, especially in facing challenges highlighting her inner identity while growing up.

"I grew up in a rather strict home, where I could not fully express myself.

"Because of that, I wanted to portray this feeling of discomfort while creating a safe space for anyone dealing with their own identity crisis.

"I wanted to show that the world is supposed to encapsulate boundless possibilities and opulence without anyone having a say in it — just you."

The collection can be considered a visual art medium that accurately displays the elements of feelings, emotions and inner thoughts which Miss Puteri wants to highlight, and not just the aspect of aesthetic beauty.

Commenting on the specific challenges she faced in creating the digital collection, she also shared the complexity of learning new software.

Part of Miss Puteri's efforts was to turn her final year project vision into reality, when she was required to use the 'Blender' software to animate textile drawings for her collection.

"The trial and error stage took the longest and I often found myself unable to solve the problem.

"Then, I had to abandon the original plan and start all over again with a different approach," she shared.

The student, who was originally educated specifically in media fashion, prioritised her lecturers' opinions and guidance as the key to the collection's success.

Source: Berita Harian © SPH Media Limited.

21 May 2024, Page 13

Permission required for reproduction

She thanks her lecturers, Ms Victoria Ho and Ms Lidya Chrisfens, who never hesitated to lend a helping hand at any time.

After completing her studies at LASALLE, Miss Puteri aspires to live in London to further expose herself in the global fashion industry.

"I plan to work abroad, especially in London, because the city has bigger and better opportunities for me.

"Many new designers are also based there. After immersing myself in the industry and working for a year or two, I want to set up my own fashion label.

"I hope to see myself develop as a designer who is not afraid to challenge norms, provoke thought, and inspire others to embrace creativity and individuality," she said.